

INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM
(IRJSMI)www.irjsmi.comANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODUL
PENGAJARAN PENDIDIKAN AKHLAK UNTUK GURU
PRASEKOLAHTHE NEED ANALYSIS FOR DEVELOPING MORAL EDUCATION TEACHING
MODULES FOR PRESCHOOL TEACHERSNur Adillah Ramly^{1*}, Abdul Halim Masnan², Syaubari Othman³¹ Department of Early Childhood Education, Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak, MalaysiaEmail: adillah.ramly@gmail.com² Department of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak, MalaysiaEmail: abdul.halim@fppm.upsi.edu.my³ Department of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak, MalaysiaEmail: mohdsyaubari@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.07.2024

Revised date: 13.08.2024

Accepted date: 25.09.2024

Published date: 30.09.2024

To cite this document:

Ramly, N. A., Masnan, A. H., & Othman, S. (2024). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Pendidikan Akhlak Untuk Guru Prasekolah. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 6 (17), 12-23.

DOI: 10.35631/IRJSMI.617002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

Abstrak:

Kajian ini mengkaji keperluan pembangunan modul pengajaran pendidikan akhlak Assimilate Like Muhammad (ALiM) untuk guru prasekolah, selari dengan usaha mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 4 yang menekankan pendidikan berkualiti dan inklusif. Kajian ini dijalankan bagi membangunkan Modul Akhlak Assimilate Like Muhammad (ALiM) sebagai Panduan Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Pendekatan Reka Bentuk dan Penyelidikan Pembangunan (DDR) diaplikasikan dalam kajian ini. Fasa Analisis Keperluan ini dijalankan sebagai proses tinjauan literatur sistematik dan sesi soal selidik kepada guru prasekolah. Soal selidik terdiri daripada 41 item yang merangkumi elemen tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendidikan Akhlak kanak-kanak. Kajian ini melibatkan 90 guru prasekolah dalam kategori tadika swasta dari zon selatan yang terdiri daripada 30 orang guru dari setiap daerah. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical for Social Science (SPSS) bagi mendapatkan data statistik deskriptif yang melibatkan peratusan, frekuensi, dan purata secara keseluruhan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru iaitu sebanyak 66.1% mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana diikuti 25.9% tahap tinggi. Hanya 8.0% sahaja mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Tahap kemahiran pula menunjukkan lebih separuh daripada responden berada pada tahap sederhana iaitu 55.6%, diikuti 32.5% tahap tinggi, dan hanya 11.9% pada tahap rendah. Skor min bagi tahap pengetahuan dan kemahiran adalah sederhana, iaitu 66.7 dan 67.7. Secara keseluruhan, sebanyak 96.8% pendidik

merasa bahawa modul pengajaran pendidikan akhlak ALiM perlu dibangunkan dan berminat untuk menggunakannya sebagai alat pengajaran serta menganggapnya sangat penting sebagai rujukan guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran yang menyeronokkan dan berkesan. Kajian ini mencadangkan modul latihan ALiM dibangunkan dengan keperluan guru dalam fikiran dan dijangka membantu guru meningkatkan penguasaan konseptual mereka dan pelajar, sejajar dengan aspirasi SDG 4 dalam meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

Kata Kunci:

Analisis Keperluan, Pembangunan Modul, Pengajaran Pendidikan Akhlak, Guru Prasekolah

Abstract:

This study examines the need for developing the Assimilate Like Muhammad (ALiM) moral education teaching module for preschool teachers, aligned with the objectives of Sustainable Development Goal (SDG) 4, which focuses on ensuring quality and inclusive education. The aim of the research is to create the ALiM Moral Module as a guide for Early Childhood Education teachers. A Design and Development Research (DDR) approach was employed, with the Needs Analysis Phase conducted through a systematic literature review and a survey involving preschool teachers. The questionnaire included 41 items assessing teachers' knowledge and skills in children's moral education. The study sampled 90 preschool teachers from private kindergartens in the southern zone, with 30 teachers from each district. Data analysis was performed using SPSS software, providing descriptive statistics, including percentages, frequencies, and averages. Results revealed that 66.1% of teachers possessed a moderate level of knowledge, 25.9% had a high level, and 8.0% exhibited a low level of knowledge. Regarding skills, 55.6% of respondents were at a moderate level, 32.5% at a high level, and 11.9% at a low level. The mean scores for knowledge and skills were both moderate, at 66.7 and 67.7, respectively. In total, 96.8% of educators believed that the ALiM moral education module should be developed and expressed interest in using it as a teaching tool, considering it essential for preschool teachers to deliver engaging and effective instruction. The study suggests that the ALiM training module should be tailored to teachers' needs and is expected to enhance both teachers' conceptual mastery and that of their students, in line with SDG 4's goal of improving the quality of early childhood education.

Keywords:

Need Analysis, Development Of Modules, Teaching Of Moral Education, Preschool Teachers.

Pengenalan

Pendidikan berkualiti merupakan asas kepada pembangunan individu dan masyarakat, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 4 yang mengutamakan akses kepada pendidikan inklusif, saksama dan berkualiti untuk semua (United Nations, 2015). Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, guru prasekolah memainkan peranan penting bukan hanya dalam memberikan pendidikan akademik, tetapi juga dalam membentuk sahsiah dan moral kanak-kanak. Pendidikan akhlak di peringkat prasekolah sangat kritikal kerana ia membentuk asas nilai dan tingkah laku kanak-kanak sepanjang hayat mereka (Hassan &

Ismail, 2020). Namun, keperluan untuk modul pengajaran pendidikan akhlak yang terancang dan menyeluruh masih belum dipenuhi sepenuhnya. Oleh itu, analisis keperluan dalam pembangunan modul ini amat diperlukan bagi memastikan guru prasekolah dibekalkan dengan alat yang sesuai untuk melaksanakan pengajaran akhlak secara berkesan, selaras dengan matlamat SDG 4 untuk memastikan pendidikan yang berkualiti dan holistik.

Menurut Imam Al-Ghazali dalam bukunya "Ihya Ulumuddin" (2013), pendidikan akhlak adalah proses pembentukan karakter atau moral dan spiritual seseorang dengan memperbaiki budi pekerti dan perilaku sehingga individu tersebut dapat mencapai kedekatan dengan Allah SWT dan menjalani kehidupan yang bermakna di dunia ini serta di akhirat. Dalam konteks kajian ini, pendidikan akhlak merujuk kepada pendidikan berpandukan akhlak nabi yang dikupas bermula dari kehidupan Rasulullah sebelum menjadi rasul dan selepas menjadi rasul, cara penerapan akhlak nabi, kaedah penyucian jiwa Imam Al-Ghazali, serta teknik penyampaian berdasarkan teknik nabi.

Guru Prasekolah memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan membolehkan kanak-kanak menerima rangsangan yang sesuai untuk perkembangan fizikal, emosi, sosial, dan kognitif mereka. Mereka tidak hanya mengajar, tetapi juga mendidik, memelihara, dan memberi kasih sayang kepada kanak-kanak prasekolah (KPM 2017). Dalam kajian ini, guru prasekolah yang terlibat sebagai responden terdiri daripada guru prasekolah yang mengajar di tadika swasta yang mewakili setiap zon di Malaysia yang merupakan graduan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Tujuan utama pendidikan akhlak kanak-kanak adalah untuk membantu anak-anak memahami konsep-konsep moral, mempraktikkan nilai-nilai yang baik dan mengembangkan sikap positif dalam berinteraksi dengan orang lain (Mazeni, 2020). Selain itu, pendidikan akhlak di usia kanak-kanak adalah suatu asas untuk mencapai tingkat hikmah dalam menentukan kelakuan atau pilihan yang baik dan benar berdasarkan pandangan akal dan syarak (Affifudin Harisah, 2018). Perkembangan fizikal, intelektual, emosi, dan rohani kanak-kanak sangat bergantung kepada kualiti pengasuhan yang diterima, terutamanya semasa fasa penting ini. Oleh itu, untuk menyelesaikan tanggungjawab ibu bapa, pendidik perlulah memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang cemerlang yang akan menjadi aset negara yang hebat pada masa akan datang.

Kajian Literatur

Pendidikan akhlak di peringkat prasekolah adalah komponen penting dalam membentuk asas nilai moral dan sahsiah kanak-kanak. Namun, kajian menunjukkan bahawa guru prasekolah sering menghadapi kesukaran dalam menyampaikan pendidikan akhlak secara berkesan kerana kekurangan modul pengajaran yang sistematik dan terstruktur (Nasir & Abdullah, 2021). Kebanyakan guru bergantung kepada pengalaman dan kreativiti sendiri tanpa panduan khusus, menyebabkan pendekatan pengajaran nilai akhlak berbeza-beza dan tidak konsisten. Ini menimbulkan cabaran dalam memastikan pendidikan akhlak disampaikan secara holistik dan berkesan kepada kanak-kanak prasekolah.

Tambahan pula, walaupun kurikulum prasekolah di Malaysia menekankan kepentingan pendidikan moral, tidak banyak bahan pengajaran yang disediakan khusus untuk tujuan ini (Ministry of Education Malaysia, 2013). Masalah ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pembangunan modul pengajaran pendidikan akhlak yang khusus bagi membantu guru

prasekolah melaksanakan pengajaran akhlak dengan lebih terancang dan berkesan. Modul yang dibangunkan haruslah mengambil kira keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam usaha membentuk sahsiah kanak-kanak, serta selari dengan perkembangan teori pendidikan moral kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengenal pasti keperluan sebenar guru prasekolah dalam pengajaran pendidikan akhlak serta membangunkan modul yang dapat memenuhi keperluan tersebut.

Kreativiti merupakan satu kunci dalam mewujudkan pembelajaran yang menarik dan relevan bagi murid-murid (Zainuddin, 2023). Dengan mengaplikasikan idea yang kreatif, guru prasekolah dapat menjadikan pembelajaran Islam lebih bersemangat dan menarik. Menurut Wan Azlin & Mohamed Yusof (2017), kreativiti adalah aspek yang sangat penting dan harus diterapkan oleh guru dalam murid, termasuk dalam mengembangkan kemampuan berfikir secara kreatif. Sebelum menerapkan amalan kreativiti pada murid, adalah sangat penting bagi guru terutama sekali yang mempunyai opsyen dalam bidang Pendidikan Islam untuk menghayati dan mempraktikkan kreativiti dalam pembelajaran abad yang ke-21. Walau bagaimanapun, amalan kreativiti ini dilihat masih lagi kurang dalam kalangan guru pendidikan Islam. Pernyataan ini disokong oleh Raja Abdullah dan Daud Ismail (2018) bahawa amalan pedagogi dan kreativiti dalam bidang pendidikan Islam amat kurang. Guru bukan opsyen juga mengalami masalah terutamanya dalam menentukan bahan bantu mengajar.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ting (2018), terdapat pernyataan bahawa guru-guru tadika, terutamanya dari sektor swasta, kurang memahami KSPK. Dapat dikukuhkan lagi apabila majoriti guru dari sektor swasta tidak sepenuhnya mengaplikasikan KSPK dalam pengajaran harian mereka, kerana sebahagian dari mereka kurang faham konsep KSPK selepas diperkenalkan kepadanya. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru tadika swasta masih belum memenuhi kriteria guru profesional seperti tiada kelayakan ikhtisas, kurang berpengalaman dan tidak terlatih. Pelaporan ini menimbulkan persoalan utama berhubung status kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman guru-guru prasekolah, adakah dapat memberi kesan kepada pengetahuan mereka mengenai KSPK.

Seterusnya, terdapat juga kewujudan situasi di mana guru prasekolah tidak jelas dengan kandungan kurikulum dan keperluan pelaksanaannya bisa menjadi masalah serius dalam pendidikan anak usia dini. Kurangnya huraian terperinci tentang Kandungan Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) boleh menjadi salah satu faktor yang menyulitkan guru-guru dalam memahami kandungannya. Isu ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan bahawa tiada huraian yang menyukarkan guru-guru memahami kandungan KSPK (Chee, 2017).

Kajian oleh Nasir & Abdullah (2021) menunjukkan bahawa 78% guru prasekolah melaporkan mereka kurang yakin dengan bahan pengajaran sedia ada dalam mendidik akhlak kanak-kanak. Guru-guru ini merasakan bahan yang disediakan tidak mencukupi untuk menangani cabaran dalam pengajaran nilai moral, yang mengakibatkan kurangnya konsistensi dalam pendekatan mereka.

Selain itu, kajian oleh Abdullah (2015) mendapati bahawa 90% ibu bapa sangat menekankan kepentingan pendidikan akhlak di peringkat prasekolah kerana ia merupakan asas utama dalam membentuk sahsiah anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, mereka juga melahirkan kebimbangan terhadap keberkesanan guru dalam menyampaikan pendidikan moral disebabkan kekurangan panduan yang jelas dalam kurikulum dan modul.

Laporan Pendidikan Awal Kanak-kanak Malaysia (2018) juga menyokong hal ini dengan menunjukkan bahawa hanya 55% institusi prasekolah yang mempunyai program pendidikan akhlak yang terancang. Ini mencerminkan kurangnya kesedaran dan inisiatif dalam penerapan pendidikan moral di peringkat awal kanak-kanak, yang sebahagiannya berpunca daripada kekurangan modul serta latihan khusus untuk guru prasekolah.

Secara keseluruhannya, statistik ini menggambarkan keperluan kritikal untuk membangunkan modul pengajaran pendidikan akhlak yang lebih sistematik dan berstruktur bagi menyokong guru dalam mendidik nilai moral kepada kanak-kanak prasekolah. Tanpa modul yang teratur, pengajaran pendidikan akhlak di peringkat prasekolah akan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran, sekali gus memberi kesan kepada kualiti pendidikan moral yang disampaikan.

Pendidikan akhlak adalah penting bagi menggalakkan tingkah laku etika, empati, dan belas kasihan di kalangan guru dan murid. Dengan mengintegrasikan nilai, pembangunan watak, dan tanggungjawab sosial ke dalam kurikulum, ianya menyumbang kepada pembentukan generasi yang bertanggungjawab, beretika, dan berdaya saing. Selari dengan isu yang dibincangkan di atas, kemahiran berfikir dan konsep pendidikan akhlak murid harus dititikberatkan dan diperkembangkan sejak awal.

Maka jelas bahawa kekurangan modul pengajaran pendidikan akhlak yang sistematik dan komprehensif di prasekolah telah menimbulkan pelbagai cabaran kepada guru dalam menyampaikan nilai-nilai moral kepada kanak-kanak. Ketidakkonsistenan dalam pendekatan pengajaran dan kekurangan bahan pengajaran yang mencukupi telah menghalang usaha untuk memastikan pendidikan akhlak dijalankan secara holistik dan berkesan. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan modul yang mampu memenuhi keperluan guru dan memberikan panduan yang jelas dalam mendidik kanak-kanak mengenai akhlak dan nilai moral. Dengan pembangunan modul yang sesuai, guru prasekolah akan lebih bersedia dan yakin dalam memainkan peranan mereka sebagai pendidik yang membentuk asas sahsiah generasi masa depan.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan modul ALiM untuk guru prasekolah.

Objektif

Analisis keperluan ini dijalankan untuk mencapai objektif bagi:

- i. Mengetahui keperluan pembangunan Modul ALiM untuk guru prasekolah.
- ii. Mengetahui tahap pengetahuan guru prasekolah dalam mengajar pendidikan akhlak.
- iii. Mengetahui tahap kemahiran guru prasekolah dalam mengajar pendidikan akhlak.

Persoalan Kajian

Analisis keperluan ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian:

- i. Adakah terdapat keperluan membangunkan modul ALiM untuk guru prasekolah?
- ii. Apakah tahap pengetahuan guru dalam mengajar pendidikan akhlak untuk murid prasekolah?

- iii. Apakah tahap kemahiran guru dalam mengajar pendidikan akhlak untuk murid prasekolah?

Metodologi

Penyelidikan ini merupakan kajian tinjauan untuk mengenal pasti keperluan guru prasekolah dari tadika swasta terhadap pembangunan modul pengajaran dalam usaha memperkembangkan kemahiran berfikir murid. Berdasarkan fasa analisis keperluan, kajian ini lebih terhad kepada 90 guru prasekolah dalam kategori tadika swasta dari zon selatan yang terdiri daripada 30 orang guru dari setiap daerah. Al-Quran dan Sunnah berfungsi sebagai asas bagi modul latihan ALiM, yang bertujuan untuk memajukan pendidikan Islam dan pendidikan moral bagi kanak-kanak. Selain itu, kajian ini mengkaji keserasian komponen yang termasuk dalam modul. Penyelidik mengumpul data yang lebih menyeluruh untuk mewujudkan modul yang lebih komprehensif apabila mereka menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif.

Menerusi peringkat permulaan menganalisis keperluan pembinaan modul ALiM, kajian dan tinjauan literatur dijalankan untuk mengesahkan makna sebenar pembangunan modul untuk pertumbuhan dan pembangunan kanak-kanak. Rancangan, buku, klip media, jurnal, dan bahan-bahan saintifik lain semuanya diperiksa dengan teliti. Sementara itu, penyelidik membuat rujukan kepada literatur baru-baru ini untuk membangunkan asas teori dan konseptual modul. Sebelum fasa seterusnya dilaksanakan, fasa ini berfungsi sebagai asas utama.

Tambahan pula, analisis keperluan ini dilaksanakan dalam kalangan guru prasekolah dari tadika swasta. Pada fasa analisis keperluan, kajian ini telah menggunakan kaedah soal selidik terhadap kumpulan pengguna yang berpengalaman bagi mendapatkan pandangan peserta kajian berhubung keperluan pembangunan modul ALiM. Soal selidik digunakan dalam Fasa Analisis Keperluan yang melibatkan 90 orang guru prasekolah kategori tadika swasta dari seluruh Malaysia. Analisis keperluan ini memberikan input bagi menentukan aspek-aspek pengajaran yang diperlukan. Instrumen soal selidik dengan skala rating digunakan untuk menjawab soalan kajian tentang pengetahuan, kemahiran dan cabaran guru tentang pendidikan Islam. Bagi menentukan tahap pengetahuan dan kemahiran, skala rating dijumlahkan dan ditukar kepada skor dalam peratusan. Fasa analisis keperluan ini bertujuan menyelidik keperluan membangunkan modul ALiM berdasarkan pandangan peserta kajian. Hanya setelah dapatan analisis keperluan mengesahkan terdapat keperluan membangunkan modul, barulah proses seterusnya dapat dilaksanakan.

Setelah maklum balas soal selidik guru telah dikumpulkan, semua data diproses dan disusun dalam jadual untuk memudahkan proses menganalisis data. Bagi bahagian keperluan modul pengajaran ALiM, maklum balas guru dianalisis untuk mencari peratusan persetujuan guru terhadap keperluan modul pengajaran tersebut. Bagi bahagian keperluan komponen modul pula, maklum balas guru dianalisis untuk mencari nilai min dan peratusan tahap persetujuan guru. Dapatan ini digunakan dalam Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan untuk menentukan elemen-elemen yang perlu dimasukkan dalam modul latihan pendidikan akhlak. Kaedah Fuzzy Delphi dilaksanakan dengan menemu bual 10 orang pakar dalam pusingan pertama.

Reka Bentuk Modul

Modul dibangunkan meliputi komponen-komponen utama iaitu objektif pengajaran, kandungan pengajaran, bahan bantu pengajaran, strategi/teknik pengajaran (penyampaian) dan penilaian pengajaran. Penghasilan komponen-komponen utama ini adalah berdasarkan kepada

model pembangunan modul Sidek dan model kurikulum TABA. Pemilihan kedua-dua model ini amat penting kerana ia menjadi paksi utama di dalam reka bentuk model yang dihasilkan. Lanjutan itu juga, kedua-dua model ini berfungsi sebagai pemandu arah dalam menghasilkan model kurikulum pengajaran pendidikan akhlak ALiM dalam kajian ini.

Dalam fasa Analisis Keperluan, pengkaji mengumpulkan maklumat tentang masalah dan keperluan guru prasekolah dalam pengajaran Pendidikan Akhlak. Selain itu, maklumat tentang pengetahuan dan kemahiran guru juga diselidiki untuk menentukan aspek yang memerlukan perhatian khusus dalam penyediaan modul yang sesuai. Data dikumpulkan melalui kajian soal selidik dan kajian literatur untuk menjawab soalan kajian analisis keperluan.

Sampel Kajian

Dalam fasa ini instrumen soal selidik mengenai latar belakang guru, cabaran guru dan tahap pengetahuan serta tahap kemahiran guru prasekolah tentang pendidikan akhlak diedarkan kepada guru prasekolah. Untuk mendapatkan data secara menyeluruh dan mewakili populasi guru-guru prasekolah, analisis keperluan ini dijalankan melibatkan guru-guru daripada Semenanjung dan Sabah serta Sarawak. Kajian ini dijalankan ke atas populasi guru prasekolah yang melibatkan kawasan yang luas dan senarai subjek tidak dapat diperoleh, jadi kaedah persampelan kluster digunakan.

Persampelan kluster boleh dijalankan bila elemen-elemen dalam populasi adalah heterogenus (Chua, 2011) di mana terdapat ketidakseragaman elemen-elemen dalam kelompok tetapi terdapat keseragaman antara semua kelompok. Elemen-elemen heterogenus ialah jantina, umur, pengalaman mengajar, tahap pendidikan dan lain-lain lagi. Namun begitu semua kelompok adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar di prasekolah kategori tadika swasta. Pengkaji telah mengedarkan borang selidik kepada guru-guru prasekolah kategori tadika swasta mengikut zon.

Sebanyak 90 soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru prasekolah dan soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 27.0 bagi mendapatkan nilai skor min dan sisihan piawai. Keputusan data yang dianalisis ini adalah berfungsi bagi menunjukkan bahawa terdapat keperluan dalam membangunkan modul ALiM untuk guru prasekolah di Malaysia.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian dianggap mempunyai konsistensi dalaman yang boleh diterima sekiranya nilai pekali '*alpha Cronbach*' bagi setiap skala dalaman instrumen melebihi 0.70 (nilai $\alpha > 0.70$) (George & Mallery, 2003) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 1: Nilai Cronbach's alpha Mengikut Konstruk

Konstruk	Pengetahuan	Kemahiran
Pedagogi kanak-kanak	.90	.98
Kreativiti dalam PdP	.93	.97
Kawalan Kelas Sewaktu PDP	.94	.93
Teknik pengajaran nabi	.96	.97
Strategi Pengajaran	.94	.96
Kandungan sukatan pembelajaran	.97	.95

Semua item dalam tahap pengetahuan dan kemahiran berada dalam enam konstruk iaitu (1) Pedagogi kanak-kanak, (2) Kreativiti dalam PdP, (3) Kawalan kelas sewaktu PdP, (4) Teknik pengajaran nabi, (5) Strategi pengajaran, dan (6) Kandungan sukatan pembelajaran. Item-item dalam semua konstruk menunjukkan nilai pekali melebihi 0.70. Nilai konstruk bagi elemen pengetahuan paling rendah adalah pedagogi kanak-kanak iaitu sebanyak 0.90 manakala nilai konstruk paling tinggi adalah 0.97 yang merangkumi konstruk kandungan sukatan pembelajaran. Manakala bagi nilai konstruk kemahiran pula menunjukkan nilai konstruk pedagogi paling tinggi sebanyak 0.98 dan paling rendah bagi konstruk kawalan kelas sewaktu Pdp. Kesemua item ini berada dalam enam kelompok masing-masing sebagaimana yang dikehendaki. Berdasarkan konstruk tersebut jelas menunjukkan nilai Cronbach's alpha melebihi 0.70, maka ini menunjukkan instrumen ini adalah konsisten dan boleh digunakan dalam kajian ini.

Kaedah Analisis Data

Data Fasa Analisis Keperluan diproses menggunakan perisian Statistical for Social Science (SPSS) versi 27.0 untuk mendapatkan peratus, skor min dan sisihan piawai. Manakala statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan data latar belakang responden dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Instrumen soal selidik digunakan untuk menjawab soalan kajian fasa ini. Analisis kekerapan, peratus dan min digunakan untuk memerihalkan data latar belakang responden. Kaedah skala rating dijumlahkan dan ditukar dalam bentuk peratus skor bagi menentukan tahap pengetahuan dan kemahiran. (Thanavanh, Kasuya dan Sakamoto,2013) Konstruk pengetahuan terdiri dari 41 item yang mana skor keseluruhan berjumlah. Skor responden bagi 41 item dijumlahkan dan dibahagikan dengan 90 bagi mendapatkan peratus skor.

Dapatan Kajian

Setelah proses pengumpulan data dijalankan, respon guru dikategori kepada dua bahagian iaitu pengetahuan dan kemahiran. Data responden berdasarkan kajian ini jelas menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran tentang pendidikan akhlak yang sederhana. Soal selidik terdiri daripada bahagian tahap pengetahuan dan kemahiran tentang pendidikan akhlak. Secara keseluruhannya, terdapat 41 item mengikut enam komponen pengetahuan dan kemahiran tentang pendidikan akhlak murid-murid prasekolah. Skor bagi tahap pengetahuan dan kemahiran dikategorikan kepada tahap tinggi, sederhana dan rendah.

Jadual 2: Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru Tentang Pendidikan Akhlak

	Skor Min	Tinggi Kekerapan (%)	Sederhana Kekerapan (%)	Rendah Kekerapan (%)
Pengetahuan	280.73 (66.7%)	164 (25.9%)	419 (66.1%)	51 (8.0%)
Kemahiran	285.97 (67.7%)	206 (32.5%)	353 (55.6%)	75 (11.9%)

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan guru iaitu 66.1% mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana diikuti 25.9% tahap tinggi. Hanya 8.0% sahaja mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Tahap kemahiran pula menunjukkan lebih separuh daripada responden pada tahap sederhana iaitu 55.6% diikuti 32.5% tahap tinggi dan hanya 11.9% pada tahap rendah. Skor min bagi tahap pengetahuan dan kemahiran adalah sederhana iaitu 66.7 dan 67.7. Dapatan data keseluruhan bagi fasa analisis keperluan menunjukkan wujudnya keperluan untuk menyediakan modul pengajaran pendidikan akhlak kepada guru-guru prasekolah tadika swasta. Kebanyakan guru bukan dari opsyen pendidikan Islam. Mereka juga berhadapan masalah kurang mahir dalam strategi atau teknik penyampaian yang bersesuaian dengan kanak-kanak untuk pengajaran pendidikan akhlak.

Tambahan pula, dapatan kajian mendapati antara sebab-sebab pendidikan akhlak tidak disampaikan dengan baik adalah kerana tiada kurikulum yang lengkap tentang pendidikan akhlak untuk murid prasekolah. Selain itu tiada strategi pengajaran atau teknik penyampaian yang menyeronokkan. Berdasarkan data-data ini, modul pengajaran pendidikan akhlak perlu untuk melatih guru menerapkan pendidikan akhlak kepada murid prasekolah. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini membuktikan masih tiada sukatan atau modul khusus yang dapat dijadikan sebagai sumber pengajaran. Hasil dapatan berdasarkan tahap pengetahuan dan kemahiran menunjukkan guru-guru memerlukan pendedahan dengan lebih luas dalam bidang pendidikan akhlak.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan keperluan modul latihan ALiM dapat dikenal pasti. Walaupun begitu, keperluan guru terhadap modul ALiM dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan akhlak dilihat perlu dibangunkan. Menerusi hasil tahap pengetahuan dan kemahiran guru prasekolah dapat disimpulkan bahawa guru kurang bersedia iaitu masih memerlukan bimbingan dan latihan sebelum dapat melaksanakan pengajaran pendidikan akhlak. Maka modul yang dibina adalah berfokus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam mengajar pendidikan akhlak. Guru-guru juga menghadapi masalah ketiadaan panduan atau sukatan pelajaran pendidikan akhlak yang khusus. Namun begitu sehingga kini belum ada satu panduan khusus kepada guru untuk menerapkan pendidikan akhlak kepada murid prasekolah. Merujuk permasalahan ini, satu modul pengajaran pendidikan akhlak dibangunkan dengan tujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru prasekolah.

Analisis Keperluan dijalankan dengan mengutip data tentang empat elemen akhlak yang difokuskan bagi membangunkan modul pengajaran pendidikan akhlak ALiM. Data dikumpulkan melalui soal selidik skala likert 5 kepada 90 orang guru prasekolah kategori tadika swasta di seluruh Malaysia. Tujuan kutipan data dalam fasa ini ialah untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan terhadap modul pengajaran pendidikan akhlak. Dapatan data Fasa Analisis Keperluan menunjukkan kebanyakan guru tidak pernah mengikuti latihan atau kursus

berkaitan pendidikan akhlak untuk murid prasekolah. Hal ini diberi perhatian khusus kerana pembangunan modul pendidikan akhlak kanak-kanak sangat diperlukan oleh guru prasekolah bagi membantu menyampaikan pengajaran (Hambal, 2020).

Seterusnya, data dari analisis keperluan digunakan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul. Data-data berkaitan reka bentuk modul diperoleh dengan mendapatkan persetujuan pakar tentang elemen-elemen yang perlu ada dalam modul. Pakar-pakar menunjukkan kesepakatan bahawa masalah guru-guru prasekolah ialah tiada kursus/latihan pengajaran pendidikan akhlak yang khusus untuk murid prasekolah. Selain itu kekurangan bahan sumber pengajaran juga menjadi satu lagi masalah kepada guru. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Howard-Barr et al., (2005) dan Tsuda et al., (2017).

Modul pengajaran pendidikan akhlak ALiM dibangunkan dengan menggunakan dapatan data ini. Empat modul telah dibangunkan dan disemak oleh pakar. Dapatan data menunjukkan masih ada beberapa perkara yang perlu dibuat penambahbaikan. Setelah penambahbaikan dibuat, pelaksanaan dan penilaian modul dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan modul ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru tentang pendidikan akhlak murid

Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan implikasi yang penting dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, terutamanya dalam pengajaran pendidikan akhlak di peringkat prasekolah. Pertama sekali, pembangunan modul pengajaran pendidikan akhlak yang berdasarkan keperluan sebenar guru prasekolah akan memperkasa guru untuk melaksanakan pengajaran nilai moral dengan lebih berkesan. Modul yang sistematik dan terstruktur ini bukan sahaja membantu guru dalam mengendalikan aktiviti pengajaran, tetapi juga memastikan kandungan nilai akhlak disampaikan secara konsisten dan holistik. Ini secara langsung menyumbang kepada pembentukan generasi muda yang berakhlak mulia dan beretika tinggi (Abdullah, 2015).

Kedua, dari perspektif Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 4 yang menekankan pendidikan berkualiti, modul ini dapat menyokong usaha untuk menyediakan pendidikan yang inklusif, saksama, dan berkualiti kepada semua kanak-kanak di peringkat prasekolah (United Nations, 2015). Dengan adanya modul yang terancang, pendidikan moral dapat disampaikan secara adil dan berkesan tanpa mengira latar belakang sosial atau ekonomi kanak-kanak. Ini selari dengan aspirasi SDG 4 yang menekankan pentingnya pendidikan yang berkualiti dalam pembangunan individu dan masyarakat.

Selain itu, implikasi kepada pembuat dasar pendidikan juga penting. Kajian ini dapat menyediakan data yang relevan untuk Kementerian Pendidikan dalam menilai keperluan modul pengajaran pendidikan akhlak di peringkat prasekolah dan bagaimana ia dapat diintegrasikan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Data yang diperoleh dari analisis keperluan ini boleh dijadikan asas untuk memperbaiki atau memperkemaskan kurikulum sedia ada bagi memastikan pendidikan akhlak diberikan perhatian yang sewajarnya dalam sistem pendidikan awal negara.

Akhir sekali, kajian ini juga memberi implikasi terhadap latihan guru prasekolah. Modul yang dibangunkan boleh dijadikan sebahagian daripada bahan latihan bagi guru-guru prasekolah, memperlengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam menyampaikan pendidikan akhlak secara lebih berkesan. Ini bukan sahaja membantu dalam

proses pengajaran, tetapi juga meningkatkan keyakinan guru dalam mendidik kanak-kanak mengenai nilai-nilai moral yang penting.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa kajian yang dijalankan ini telah menunjukkan pembinaan modul pengajaran ALiM adalah sangat diperlukan. Secara keseluruhannya, majoriti guru menunjukkan terdapat keperluan terhadap modul latihan ALiM dan mereka berminat untuk menggunakan modul pengajaran tersebut sebagai bahan bantu mengajar tambahan dalam memastikan murid dapat mempraktikkan pendidikan akhlak dalam diri masing-masing. Selain itu, komponen-komponen yang dicadangkan untuk disediakan dalam modul pengajaran ALiM juga mendapat tahap persetujuan yang tinggi daripada pihak guru. Pendidikan akhlak merupakan aspek penting dalam konteks pendidikan, yang mencakup nilai-nilai moral, etika, dan perilaku yang baik. Dalam konteks kajian ini, hubungan antara pendidikan akhlak dan pendidikan Islam serta moral dapat dilihat melalui kerjasama antara guru-guru prasekolah dengan ibu bapa. Melalui kerjasama ini, nilai-nilai seperti kejujuran, rasa hormat, dan tanggungjawab dapat diterapkan dalam pembelajaran mengenai pendidikan akhlak yang merupakan satu dimensi asas dalam pendidikan Islam. Modul ALiM ini berteraskan dua sumber utama iaitu Al-Quran dan Hadith. Terdapat tiga elemen dalam kandungan modul ini iaitu akhlak, adab dan sifat nabi. Oleh itu, komponen kaedah pengajaran, penilaian, aktiviti pembelajaran beserta contoh soalan akan disediakan berdasarkan tiga elemen tersebut apabila modul pengajaran ALiM dibangunkan. Modul pengajaran pendidikan akhlak yang dibangunkan dalam kajian ini dapat dijadikan panduan dalam merancang program latihan guru. Pembangunan modul ini juga melibatkan guru dalam proses merancang, melaksana dan membuat penilaian. Diharapkan modul yang dibangunkan akan dapat memberi manfaat kepada guru untuk membantu meningkatkan penguasaan konsep dan kemahiran berfikir murid dalam pembelajaran pendidikan Islam dan pendidikan akhlak.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan dalam menjayakan penulisan artikel ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr. Abdul Halim Masnan dan penyelia kedua Dr Syaubari Othman, yang telah memberikan bimbingan, nasihat, dan tunjuk ajar sepanjang proses penulisan artikel ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada pihak sekolah dan guru-guru prasekolah yang sudi meluangkan masa serta berkongsi pengalaman dan pandangan mereka dalam soal selidik yang dijalankan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan dorongan moral dan sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses kajian ini dijalankan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua individu dan organisasi yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini. Tanpa bantuan dan sokongan anda semua, penulisan ini tidak dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih.

Rujukan

- Abdullah, M. F. (2015). *Pendidikan Akhlak di Peringkat Prasekolah: Asas Pembentukan Sahsiah Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awi, N. A. L., & Zulkifli, H. (2021). Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*

- Asri, N. M. A. M., Rahman, M. N. A., & Sulaiman, A. M. (2023). Pengurusan dan Pengelolaan Asuhan Kanak-Kanak Dari Perspektif Kitab Ihya'Ulum Al-Din. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(1), 1-9.
- Al-Ghazali, A. H. M. bin M. (2000). *Ihya' Ulumuddin* (Peny. al-Syeikh Ahmad 'Abd al-Rahim). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Hassan, A. B., & Ismail, Z. (2020). Teori perkembangan moral dalam pengajaran prasekolah: Kajian kes di Malaysia. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 8(2), 67-82.
- Harisah, A. (2018). *Filsafat Pendidikan Islam Prinsip dan Dasar Pengembangan*. Deepublish.
- Hambal, M. (2020). Hadith Education in Forming Character of Early Childhood. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 4(1), 1-11.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar pendidikan kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ministry of Education Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nasir, N. A., & Abdullah, M. Z. (2021). Analisis keperluan guru dalam pengajaran akhlak di prasekolah. *Jurnal Kajian Pendidikan dan Moral*, 9(4), 14-28.
- Othman, C., & Busari, A. H. (2023). Komitmen Organisasi Guru Sekolah Rendah di Sarawak. *Management Research Journal*, 12(2), 66-77.
- Ramly, N. A., & Masnan, A. H. (2023). Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Berdasarkan Akhlak Nabi Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 4(2), 41-50.
- Rahman, M. N. A., & Noor, W. N. B. W. M. (2018). Pelaksanaan kurikulum standard prasekolah kebangsaan semakan 2017: Retrospeksi guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 59-71.
- Rahman, Z. S. B. A. Pembentukan Pelan Tindakan Untuk Meningkatkan Partisipasi Belia Komuniti Terpinggir Dalam Proses Pembangunan Negara Melalui Media Baharu.
- Sabar, S., & Mustari, M. I. (2012). Pendidikan Islam Mendepani Cabaran Abad Ke 21: Aplikasi Pendidikan Bil-Hikmah. Retrieved 18 Jan 2015, 2015.
- Said, S. (2017). Pembangunan modul latihan pendidikan seksualiti untuk guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) peringkat sekolah rendah (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).
- Saili, J., & Taat, M. S. (2024). Pengaruh Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (Ptpk) Terhadap Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Bidang Sirah Dan Tamadun Islam: The Influence of Technological Pedagogical Content Knowledge (Tpck) On the Creative Practices of Islamic Education Teachers. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 64-81.
- United Nations. (2015). *Transforming our world: The 2030 Agenda for Sustainable Development*. New York: United Nations.
- Utami, S. N., Al Ghazal, S., & Rasyid, A. M. (2023). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Konsep Khauf Dan Raja'Menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal Riset Pendidikan Agama Islam*, 55-62.
- Wahab, N. S. A., Lubis, M. A. L. A., & Adnan, N. A. (2017). Islamisasi Ilmu dalam Pendidikan Negara. *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam*.
- Yip, J. W., & Yunus, F. (2021). Keperluan Modul Pendidikan Seksualiti Untuk Guru Di Prasekolah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 11
- Zainuddin, S. A. H. S., & Abdullah, A. H. (2023). Kreativiti Murid dalam Pembelajaran Geometri di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002263-e002263.